

KUALITI PENSYARAH POLITEKNIK LEPASAN SARJANA PENDIDIKAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUiTTHO)

IZLIN ZURIANI BINTI ISHAK

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

DEDIKASI

Untuk Ibu, Ayah dan Adik- adik

Yang sentiasa memberi dorongan dan harapan untuk berjaya

Untuk rakan- rakan seperjuangan

Terima Kasih atas segalanya



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah , dipanjangkan kesyukuran kerana dengan limpah kurniaNya, penulis dapat menyiapkan projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana Dr Noraini binti Kaprawi yang telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan projek Sarjana ini. Tidak dilupakan kepada ahli-ahli panel diatas komen yang membina dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang telah banyak menyumbangkan idea dan panduan dalam melaksanakan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Encik Abdul Karim Jaafar dan Puan Jarah binti Sulaiman selaku Pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan juga pensyarah- pensyarah di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang telah banyak membantu dalam proses pengumpulan data serta khidmat nasihat bagi menjayakan projek ini.

Tidak lupa, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, 3 MTD 02/03 yang telah banyak membantu dan memberi nasihat bagi menjayakan projek ini.

Izlin Zuriani Ishak

ABSTRAK

Kajian ini berjudul “Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)” telah dijalankan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (POLIMAS). Tujuan utama kajian ini ialah untuk menilai tahap kualiti pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada aspek empat indicator kualiti pensyarah iaitu, sikap, penguasaan ilmu pengetahuan, penguasaan kemahiran dan profesionalisme. Pengkaji juga meninjau hubungan diantara empat indikator kualiti Pensyarah. Sampel telah dipilih secara rawak yang melibatkan pensyarah Politeknik yang bukan daripada Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO. Sebanyak 60 orang responden telah dipilih dari PSA dan POLIMAS. Data-data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan temubual. Data diproses menggunakan perisian “*Statistic Package for the Social Science version 10.0 (SPSS v 10.0) for Windows.*” Hasil dari dapatan kajian ini, di dapat bahawa tahap kualiti pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO adalah di tahap sederhana. Begitu juga dengan kualiti sikap, profesionalisme, penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran dipersepsikan di tahap sederhana. Empat indicator kualiti pensyarah di dapat mempunyai hubungan yang tinggi di antara indicator-indikator tersebut. Ujian t juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan di antara persepsi staf PSA dan POLIMAS terhadap kualiti pensyarah. Akhir sekali, pengkaji membangunkan satu prototaip, iaitu perisian Ujian Kualiti Kendiri hasil daripada maklumbalas dapatan kajian sebagai satu cadangan produk kepada KUiTTHO.

ABSTRACT

This report presents a survey study conducted at Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) and Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) entitled “The Quality of the Polytechnic Lecturers Graduated from Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Masters’ Program in Education.” The purpose of this study is to survey the level of quality of the Polytechnic lectures’ attitude, knowledge, skills and professionalism. Questionnaire and interview were used in the data generation, which was analyzed descriptively, and inferentially by using Statistic Package for the Social Science version 10.0 (SPSS v 10.0) for Windows. Pearson correlation was applied to compute the relationship among the four quality indicators for lecturers, i.e., attitude, knowledge, skills and professionalism. T-test was used to identify if there were any significant differences between PSA and POLIMAS in terms of the four quality indicators. The finding showed that the level of attitude quality, knowledge, skills and professionalism were at the fair level. The t-test also showed that there were no significant differences between PSA and POLIMAS in terms of the four quality indicators. However, from the Pearson correlation coefficient, it was found that all the four quality indicators were highly correlated among themselves. As a whole, the level of the Polytechnic Lectures Graduated from KUiTTHO’s Master Program in Education was fair. The researcher suggests that KUiTTHO produce a Personal Quality Test to enhance education excellent.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL		ii
HALAMAN PERAKUAN		iii
HALAMAN DEDIKASI		iv
PENGHARGAAN		v
ABSTRAK		vi
ABSTRACT		vii
KANDUNGAN		xiii
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI JADUAL		xvi
SENARAI LAMPIRAN		xvii
SENARAI ISTILAH		

BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Hipotesis Kajiann	8
1.6	Objektif Kajian	8

1.7	Skop Kajian	9
1.8	Rangka Teoritikal Kajian	10
1.9	Kepentingan Kajian	12
1.10	Batasan Kajian	12
1.11	Definisi Konsep dan Pengoperasian	13
	1.11.1 Kualiti Pensyarah	13
	1.11.1.1 Sikap	14
	1.11.1.2 Penguasaan ilmu	14
	Pengetahuan	
	1.11.1.3 Penguasaan Kemahiran	15
	1.10.1.4 Profesionalisme	15
	1.11.2 Staf Politeknik	16
	1.11.2.1 Staf Akademik	16
	1.11.2.2 Staf Pengurusan	16
	1.11.3 Sarjana Pendidikan KUiTTHO	16

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	17
2.2	Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO	18
2.3	Kepentingan Kualiti dalam Bidang Pendidikan	20
2.4	Kualiti Pensyarah Politeknik	22
2.5	Indikator-indikator yang Mempengaruhi Kualiti Pensyarah Politeknik	23
	2.5.1 Sikap	25
	2.5.2 Penguasaan Ilmu Pengetahuan	25
	2.5.3 Kemahiran yang Dimiliki	27
	2.5.4 Profesionalisme	28
2.6	Sorotan Kajian	30
2.7	Kesimpulan	32

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Tempat Kajian	34
3.4	Persampelan Kajian	35
3.5	Pengumpulan Data	36
3.6	Instrumen Kajian	36
3.6.1	Kajian Rintis	38
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	39
3.8	Andaian Kajian	39
3.9	Kronologi Kajian	40
BAB IV	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Latar Belakang Responden	42
4.2.1	Jantina	42
4.2.2	Umur	43
4.2.3	Tempoh Berkhidmat	43
4.2.4	Pendidikan Tertinggi	44
4.2.5	Jawatan	44
4.2.6	Responden Temubual	45
4.3	Prosedur yang Digunakan untuk Menganalisis Data	46
4.4	Dapatan Kajian	48
4.4.1	Persoalan Kajian 1: Sikap yang Dimiliki oleh Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	49

4.4.2	Persoalan Kajian 2 : Tahap Penguasaan Ilmu Pengetahuan Yang Dimiliki oleh Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	51
4.4.3	Persoalan Kajian 3: Tahap Kemahiran Yang Dimiliki oleh Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	53
4.4.4	Persoalan Kajian 4: Tahap Profesionalisme Yang Dimiliki oleh Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	55
4.4.5	Persoalan Kajian 5: Tahap Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	56
4.4.6	Persoalan Kajian 6: Hubungan antara Sikap, Penguasaan Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Profesionalisme Yang Dimiliki oleh Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	58
4.4.7	Hipotesis Kajian: Persepsi Staf Politeknik Di Antara Dua Politeknik yang Dikaji Tentang Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	59
4.5	Soal Selidik Terbuka	62
4.6	Temubual	64
4.7	Rumusan Dapatan Kajian	65

BAB V	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pendahuluan	66
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.2.1	Latar Belakang Responden	67
5.2.2	Tahap Sikap Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	68
5.2.3	Tahap Penguasaan Ilmu Pengetahuan Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	69
5.2.4	Tahap Penguasaan Kemahiran Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	70
5.2.5	Tahap Profesionalisme Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	71
5.2.6	Tahap Kualiti Pensyarah Politeknik	72
5.3	Cadangan	73
5.3.1	Cadangan untuk KUiTTHO dan Politeknik	73
5.3.2	Cadangan untuk Kajian Seterusnya	73
5.4	Rumusan	74
BAB VI	REKABENTUK PRODUK CADANGAN	
6.1	Pengenalan	76
6.2	Latar Belakang Produk	76
6.3	Rekabentuk Produk	77
6.3.1	Rekabentuk Antaramuka	77
6.3.2	Rekabentuk Interaksi	78

6.4	Kronologi Kajian	78
6.4.1	Penghasilan Produk	79
6.4.2	Alatan Pengarangan Pembinaan Produk	79
6.4.3	Kos Pembangunan Produk	80
6.5	Kelebihan dan Kekurangan	80
6.6	Permasalahan dalam Pembinaan Produk	81
6.7	Penutup	81
RUJUKAN		82
LAMPIRAN		88



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
------------------	--------------	-------------------

1.1.1 Rajah Kerangka Teoritikal Kualiti Pensyarah Politeknik	11
--------------------------------------------------------------	----



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

A large, semi-transparent watermark or stamp is diagonally positioned across the page. It contains the text "PTT AUTHM" in a large, bold, serif font, and "PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH" in a smaller, sans-serif font below it. The text is oriented from the bottom-left towards the top-right.

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perbezaan Di antara Politeknik dan Sekolah Menengah Teknik	3
3.1	Kebolehpercayaan Indikator	38
3.2	Kronologi Kajian	40
4.1	Jantina responden di PSA dan POLIMAS	43
4.2	Latar belakang responden	45
4.3	Latar belakang responden temubual	46
4.4	Bilangan item mengikut bahagian	47
4.5	Tahap Skor min bagi kualiti sikap dan profesionalisme	47
4.6	Tahap skor mi bagi penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran	48
4.7	Skor min bagi sikap	50
4.8	Skor min bagi penguasaan ilmu pengetahuan	52
4.9	Skor min bagi kemahiran	54
4.10	Skor min bagi profesionalisme	56
4.11	Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	57
4.12	Tahap pengukuran korelasi	58

4.13	Korelasi antara sikap, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme dalam menilai kualiti Pensyarah	59
4.14	Perbezaan persepsi kualiti pensyarah di antara PSA dan POLIMAS	61
4.15	Perbezaan persepsi kualiti pensyarah dari segi sikap, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme	61
4.16	Jadual cadangan dan komen responden dari segi sikap	63
4.17	Jadual cadangan dan komen responden dari segi penguasaan ilmu pengetahuan	63
4.18	Jadual cadangan dan komen responden dari segi penguasaan kemahiran	64
4.19	Jadual cadangan dan komen responden dari segi profesionalisme	64
6.1	Senarai alatan pengarangan untuk pembangunan Perisian UKK	79



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat kajian di Politeknik.	88
B	Surat Pengesahan dari KUiTTHO untuk membuat Kajian Projek Sarjana	90
C	Kebolehpercayaan hasil kajian rintis	91
D	Borang Soal Selidik	96
E	Data untuk Ujian T dan Korelasi	104
F	Hasil dapatan Temubual dengan Responden	107
G	Manual Ujian Kualiti Kendiri (UKK)	109



PTT AUTHAM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI ISTILAH

R	-	Responden
S		Soalan
SST	-	Soal Selidik Terbuka
RMH		Rancangan Mengajar Harian
JPTek		Jabatan Pendidikan Teknikal
P&P		Pengajaran dan Pembelajaran
TQM		<i>Total Quality Management</i>
UKK		Ujian Kualiti Kendiri
SPM		Sijil Pelajaran Malaysia
PMR		Penilaian Menengah Rendah
KPM		Kementerian Pendidikan Malaysia
UTM		Universiti Teknologi Malaysia
IPT		Institut Pengajian Tinggi
PTV		Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPMV		Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
PSA		Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
KUiTTHO		Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
POLIMAS		Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Arus perubahan sejagat yang melanda akhir-akhir ini memberi isyarat yang jelas bahawa untuk terus hidup, bersaing dan mencapai kecemerlangan, sesebuah organisasi perlu bersedia untuk berubah mengikut arus perubahan zaman. Tabii persaingan dunia hari ini ditentukan melalui organisasi yang mampu untuk memenuhi tuntutan seperti menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan sentiasa boleh dipercayai.

Rancangan Malaysia ke-7 meletakkan isu kualiti dan produktiviti tenaga buruh sebagai pemangkin kepada pemesatan pertumbuhan ekonomi.

“Another important factor to emphasize upon, from the aspects of education and training, is for the workforce to understand and contribute towards productivity enhancement and excellent of quality”

(Education Guide Malaysia, 1997, 47)

Pada asalnya, isu kualiti hanya digembar-gemburkan di dalam institusi perswastaan dan perindustrian sahaja, tetapi ia kini sudah mula menguasai bidang

pendidikan pula. Ini adalah kerana bidang pendidikan juga mengeluarkan produk yang dikehendaki oleh pelanggan seperti di bidang perindustrian iaitu dari segi tenaga buruh mahir dan separa mahir.

Dalam melaksanakan program kualiti, beberapa perkara di dalam perkhidmatan perlu diberi perhatian untuk setiap aktiviti professional. Di akhir abad ke-20, faktor utama pengukuran kualiti dilaksanakan dalam setiap perkhidmatan kepada orang awam adalah dari segi kepentingan *accountability* atau rasa tanggungjawab untuk memberikan kepuasaan kepada pelanggan (Cowman, 1996).

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) bukan sahaja menawarkan kursus pengajian Ijazah Sarjana Muda tetapi juga Ijazah Sarjana kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi dalam jurusan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan. Di dalam program Ijazah Sarjana, terdapat juga kursus Ijazah Sarjana Pendidikan yang mana kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus ini adalah terdiri daripada bakal-bakal pensyarah Politeknik Kementerian Pendidikan di Malaysia.

Sebahagian besar daripada para pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Pendidikan ini telah menandatangani kontrak dengan Kementerian Pendidikan di bawah Program Bank Dunia. Kurikulum yang disediakan oleh KUiTTHO memerlukan pelajarnya menjalani kursus Ijazah Sarjana Pendidikan ini selama 3 semester. Ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para pelajar yang juga bakal pensyarah tentang dunia pendidikan Teknik dan Vokasional. Kebanyakan dari para pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program ini adalah merupakan para pelajar yang telah memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia.

Bersesuaian dengan piawaian MS ISO 9000 yang telah diperolehi, KUiTTHO seharusnya mampu untuk melahirkan tenaga profesionalisme yang berkualiti dan kreatif dalam kecemerlangan program pendidikan dan latihan teknikal. Ini dapat membantu KUiTTHO meneroka dan menerajui teknologi demi mempertingkatkan daya saing negara dalam era globalisasi. Ini amat bertepatan dengan misi Politeknik iaitu

“Untuk melahirkan tenaga kerja separa profesionalisme yang lengkap dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.”

(Pamflet Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Terdapat beberapa perbezaan yang wujud di antara tugas seorang pendidik di Sekolah Menengah Teknik dan Politeknik dari aspek usia pelajar, kurikulum yang disediakan, struktur organisasi dan beban tugas (Education Guide Malaysia, 1997). Ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Perbezaan di antara Politeknik dan Sekolah Menengah Teknik

Perkara	Politeknik	Sekolah Menengah Teknik
Usia	Para pelajar berusia diantara 18 tahun dan keatas. Kemasukan pelajar adalah berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).	Para pelajar adalah berusia diantara 16 tahun ke 17 tahun. Pengambilan pelajar berdasarkan kepada keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR).
Kurikulum	Kursus yang disediakan terbahagi kepada 2 bentuk yang utama iaitu di peringkat Sijil mahupun diperingkat Diploma. Kursus lebih kepada pengkhususan sesuatu bidang kerja, contohnya perakaunan, kejuruteraan awam, elektrik mahupun mekanikal dan sebagainya.	Kurikulum telah disediakan mengikut sukaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dimana para pelajar akan diuji melalui Peperiksaan utama iaitu SPMV atau SPM
Struktur Organisasi	Lebih kepada struktur menyerupai di peringkat Universiti. Di mana masa pengajian pelajar juga dari jam 8 pagi ke jam 5 petang.	Struktur organisasi seperti sekolah harian biasa. Waktu pengajian juga antara 7.30 pagi hingga 2 petang.
Beban Tugas	Beban tugas yang lebih besar kerana para pelajar lebih diterapkan dengan aktiviti amali berbanding teori. Ini bertujuan agar pelajar dapat mengaplikasi apa yang dipelajari apabila bekerja kelak.	Beban tugas agak kurang kerana pelajar tidak perlu untuk menjalani latihan praktikal di organisasi luar hanya latihan di makmal-makmal yang disediakan di sekolah masing-masing.

Sumber: Education Guide Malaysia, 1997

Ekoran dari perbezaan tanggungjawab yang wujud di antara pensyarah Politeknik dan guru Sekolah Menengah Teknik, maka indikator kualiti pensyarah Politeknik sudah tentulah berbeza dengan indikator kualiti guru di Sekolah Menengah Teknik yang telah banyak dibuat kajian seperti sikap dan keberkesanan pengajaran di dalam kelas.

1.2 Latar belakang Masalah

Pendidikan tinggi di Malaysia berhadapan dengan era baru hasil daripada perubahan dalam pandangan dan persepsi masyarakat tentang peranan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Tuntutan masyarakat terhadap IPT untuk menghasilkan siswazah berkualiti semakin ketara. Himpitan daripada tuntutan pelbagai pihak terhadap pendidikan tinggi memaksa IPT untuk berubah dan lebih proaktif dengan kadar yang lebih cepat.

Kualiti adalah keseluruhan ciri-ciri dan sifat-sifat sesuatu produk atau perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak yang dinyatakan atau yang tersirat (Hairuddin, Bustaman, Abdul Manaf dan Mohd Al Shaari, 1999). Ciri-ciri kualiti bagi sesuatu perkhidmatan adalah seperti keselesaan, kesopanan, kecekapan, keberkesanan, jujur, kebolehpercayaan, cepat, responsif dan keselamatan (Hairuddin, Bustaman, Abdul Manaf et. al, 1999).

Salah satu model pemikiran dan amalan baru yang boleh diterapkan dalam pendidikan tinggi ialah model kualiti menyeluruh atau *Total Quality Management* (TQM). Ini tidak mustahil kerana peranan pendidikan tinggi pada hakikatnya serupa dengan peranan sektor perniagaan. Dalam pendekatan kualiti menyeluruh IPT perlu melihat komponen-komponen di dalamnya iaitu pelajar, pengajar, kurikulum, pentadbir dan sebagainya sebagai satu sistem (Mokhtar, 1996).

Dalam menjayakan TQM di Politeknik, piawaian MS ISO 9000 perlu dilaksanakan sebagai “*blueprint*” bagi usaha-usaha peningkatan sistem kualiti dalam Politeknik untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi tersebut. Perlaksanaan sistem ini mewujudkan sistem pengurusan kualiti yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Pencegahan dan bukan mengatasi masalah setelah berlaku masalah.
- (ii) Kajian semula yang berterusan ke atas proses-proses yang kritikal dan membuat tindakan pembetulan.
- (iii) Mewujudkan cara bekerja yang konsisten dan menepati prinsip betul pertama kali dan setiap kali.
- (iv) Semua kerja adalah berasaskan kepada dasar dan prosedur yang didokumenkan.
- (v) Mementingkan penyimpanan rekod kualiti untuk membuktikan tindakan yang telah dilaksanakan.

(Hairuddin et.al, 1999)

Dalam memenuhi piawaian MS ISO 9000, kedua-dua perlaksanaan dan sistem dokumentasi sasaran kerja perlu diseimbangkan. Perancangan dan penghasilan pelajar Politeknik yang benar-benar berkualiti menjadi tunjang utama TQM dalam menuju kearah kecemerlangan Politeknik. Dalam hal ini, proses menghasilkan pelajar yang berkualiti di Politeknik memerlukan pensyarah yang berku aliti.

Pensyarah Politeknik yang berkualiti adalah pensyarah yang dapat memenuhi kehendak pelanggan dan objektif Politeknik dari segi kecemerlangan sikap, persediaan tahap profesionalisme, pengetahuan yang baik dalam bidang pengajaran, sijil perguruan dan pengalaman mengajar yang baik terutama dari segi penguasaan kemahiran. Kenyataan ini juga selari dengan kenyataan Kaplan dan Owings (2001), dalam kajian mereka “*Teacher Quality and Student Achievement*”:

“Teacher quality concerns the input that teacher bring to the school, including their demographics, aptitude, professional preparation, collage major and prior professional work experience.”

Sekiranya kualiti tidak diterapkan di dalam pengurusan sesebuah Politeknik, maka sumber-sumber sedia ada tidak akan dapat menghasilkan produk yang berkualiti. Selain dari itu, matlamat Politeknik juga tidak akan tercapai.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam bidang pendidikan, permintaan-permintaan baru dan berbeza-beza dari pelbagai pihak telah menukarkan professional pendidikan masa kini. Pendekatan yang sentiasa berubah di dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional juga membuatkan pihak ibu bapa dan organisasi swasta memberikan perhatian yang teliti dalam bidang ini.

(Rungutan yang diterima dari pihak pengurusan Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek) dan pensyarah-pensyarah di Politeknik yang menyatakan bahawa, pensyarah lepasan KUiTTHO tidak mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi keperluan untuk menjadi seorang pensyarah di Politeknik) adalah amat merisaukan dan perlu diberi perhatian. Maka adalah menjadi salah satu tanggungjawab KUiTTHO untuk membuat penilaian bagi memastikan graduan yang dihasilkan berupaya memenuhi kehendak dan keperluan Politeknik, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Teknik khususnya serta Jabatan Pendidikan Teknikal amnya.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna KUiTTHO tidak perlu membuat penilaian ke atas produk yang dihasilkan jika tiada rungutan. Ini adalah kerana kebertanggungjawapan atau “*accountability*” perlu ada di dalam sesebuah organisasi pendidikan kepada “*stakeholders*”. Keberanggungjawapan bermakna organisasi perlu menilai dan mengukur kualitinya dalam usaha memenuhi keperluan pelanggan Bogue dan Saunders (1992). Ini juga selari dengan definisi kulaiti pendidikan mereka,

“Quality is conformance to mission specification and goal achievement – within publicly accepted standards of accountability and integrity”
(Bogue and Saunders, 1992)

Namun yang demikian, maklumbalas dari majikan dan juga rakan sekerja terhadap lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO juga perlu diberi perhatian supaya kurikulum dan kaedah pengajaran dapat diubahsuai untuk melahirkan pensyarah yang berkualiti agar dapat membantu dalam kecemerlangan Politeknik. Perkara inilah yang mendorong pengkaji untuk meninjau kualiti pensyarah Politeknik lepasan dari KUiTTHO. Tambahan pula kajian seperti ini belum pernah dijalankan di negara ini.

Tahap kualiti pensyarah yang ditinjau dalam kajian ini adalah dari aspek sikap, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme pensyarah Politeknik lepasan Ijazah Sarjana Pendidikan KUiTTHO. Selain daripada itu, kajian ini juga melihat hubungan di antara penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan profesionalisme pensyarah Politeknik.

1.4 Persoalan Kajian

Lanjutan daripada pernyataan masalah, berikut adalah persoalan kajian yang ditimbulkan:

- (i) Bagaimanakah sikap yang dimiliki oleh pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik?
- (ii) Sejauh manakah tahap penguasaan ilmu pengetahuan pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik?

- (iii) Sejauh manakah tahap kemahiran yang dimiliki oleh pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik?
- (iv) Sejauh manakah tahap profesionalisme yang dimiliki oleh pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik?
- (v) Sejauh manakah kualiti pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik?
- (vi) Bagaimanakah hubungan di antara sikap, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme yang dimiliki?

1.5 Hipotesis Kajian

Satu hipotesis telah terhasil berdasarkan persoalan kajian diatas:

Hipotesis H_0 : Tiada perbezaan yang signifikan dalam kualiti pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO di antara persepsi staf Politeknik-Politeknik yang dikaji.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk,

- (i) Mengenal pasti sikap yang dimiliki oleh pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO.

RUJUKAN

_ (2002). "Teacher Characteristics: The Collage of Education & Human Development" http://www.um.com/best_practices/administratin_and_policy/teacher_characteristics.htm

,(2002). "Panduan Menulis Tesis." Batu Pahat: Unit Printing (M) Sdn Bhd.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1996). "Kualiti Pembangunan Profesionalism Keguruan dalam konteks sekolah", *Jurnal Pendidikan*, 18 –22.

Ahmad Mahdzan Ayob (1992). "Kaedah Penyelidikan Sosio ekonomi." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999). "Komunikasi untuk Guru." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Bidin Yatim (2000). "Statistik Gunaan". Kedah : Universiti Utara Malaysia

Bogue, E. Grady dan Saunders, L. Robert (1992). "The Evidence for Quality". San Francisco : Jossey-Bass Publishers.

Borang JPA Prestasi 2/96. Laporan Penilaian Prestasi Kumpulan Pengurusan dan profesional.

Cohen, L dan Manion, L (1985). "Research Method in Education." London : Croom-Helm

Cowman. S (1996). "Student Evaluation : a performance indicator of quality in nurse education". *Journal of Advanced Nursing*. Blackwell Science Ltd. 425 – 432.

Desmond L. Nuttall (1996). "Measuring Quality : Education indicators – United Kingdom and International Perspectives." London : The Falmer Press\

Dunkin, M.J (1997). "Assessing teacher's effectiveness". *Issues in Educational Research*. 7 (1), 37-51.

Edward Sallis. (1997). "Total Quality Management in Education." 2nd edition. London : Kogan Page

Fauziah Abdul Hamid (1999). "Guru berkualiti: Satu tinjauan terhadap sahsiah dan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar di Sekolah Menengah." UTM : Skudai

Fazida binti Adlan (2001). "Tinjauan pengaruh latar belakang pendidikan terhadap budaya kerja dan kualiti perkhidmatan pensyarah di Politeknik." Batu Pahat : KUiTTHO. Tesis Sarjana.

Geoffrey Squires (1999). "Teaching as a Professional Discipline". United Kingdom : Falmer Press.

Hairuddin Mohd Ali, Muhammad Bustaman Hj Abdul Manaf dan Mohd Al Shaari Mohd Ramli (1999). "Panduan Ringkas Penubuhan dan Perlaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9000 dalam Organisasi Pendidikan." Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd

Hajjah Noresah Baharom (2000). "Kamus Dewan Edisi 3" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Jabatan Pendidikan Teknikal (2001). "Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia". Kuala Lumpur : Bahagian Pengurusan Politeknik

Jaidi Ahmad (2000). "Persepsi Pensyarah Politeknik Ke atas Perlaksanaan Program Latihan Pensyarah di Institut Teknologi Tun Hussein Onn." Batu Pahat : ITTHO. Kajian kes Sarjana.

John Bohte. (2001). "School bureaucracy and student performance at the local level." *Public Administration Review*. Vol: 61. iss: 1 BPO.01_03_03. pp: 92 – 99.

Kaplan, L.S dan Owings, W.A (2001). "Teacher Quality and Student Achievement: Recommendation for Principals". *Bulletin*. 85 (625). http://www.nassp.org/news/bltn_tch_qul_stdnt_ach1101.html

Kathryn A. Riley (1994). "Quality and equality promoting opportunities in schools." London: Cassell.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). "Education Guide Malaysia" Kuala Lumpur

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (2001). "Taklimat Pengenalan MS ISO 9001:2000 Kepada Semua Staf Pengurusan dan Professional Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn". Batu Pahat: KUiTTHO.

Kyriacou, C. (1986). "Effective teaching in schools." Great Britain : T J Press (Padstow) Ltd.

Martin Cave, Stephen Hanney and Maurice Kogan .(1991). "The Use of Performance Indicators in Higher Education : A critical analysis of developing practice." London : Jessica Kingsley Publisher

Mohd Majid Koting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan kepada Analisis Berkomputer SPSS 10.0 for windows" Kuala Lumpur : Venton Publishing

Mokhtar Abdullah. (1996). "Pengukuran Kualiti ke arah peningkatan daya saing." Penerbit UKM : Bangi.

Muhammad Bilal Ali (2001). "Nota Grafik dalam Pendidikan". Johor Baharu : UTM

Newman, F (1985). "Higher Education and The American Resurgence". New Jersey: Carregie Foundation for the Advancement of Teaching.

Noraini Kaprawi (2000). "Quality of Working Life and Organizational Effectiveness in Public and Private Higher Educational Institution". University of Manchester: Tesis Phd

Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1993). "Guru dan Pengurusan." Edisi kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur'azah Abdul Manaf dan Mazlan Mohamad Abdul Hamid (2000). "Statistik" Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

OPTE Framework (1998). "Oklahoma Professional Teaching Examination (OPTE) Test Framework".

Prof Madya Dr Abdullah Mohd Noor dan Dr Mohd Sahandri (1998). "Budaya Kerja Cemerlang : Satu analisa kemahiran berfikir dan bertindak di kalangan guru cemerlang." *Seminar Kebangsaan Pendidikan ITTHO*. Batu Pahat : ITTHO

Ralph Gardner III, Diane M. Sainato, John O. Cooper et.al (1995). "Behaviour analysis in Education : Focus on measurably superior instruction." California : Wadsworth, Inc.

Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd Meerah (1991). "Higher education effectiveness in preparing graduates for professional practise". *University*

Education in the Nineties : Collection of Working Papers 15 Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shuki bin Osman dan Zuraida binti Ismail (1998). “Guru berkesan : Perspektif guru-guru pelatih.” *Seminar Kebangsaan Pendidikan ITTHO*. Batu Pahat : ITTHO

Southern Regional Education Board (1990). “Annual Report Southern Regional Education Board 1989-1990”. Atlanta: Southern Regional Education Board.

Williamsburg_James City County Public Schools (1997). “Teacher Evaluation Handbook”. United State.

Yasmin binti Hussain (2000). “Teacher Effectiveness: A Q-Methodological analysis in key factors for teacher effectiveness in Special Education in Malaysia” University of Manchester. Tesis Phd.